

01 AUG 2001

MIA-PENGERUSI

ABDUL SAMAD DIPILIH SEMULA SEBAGAI PRESIDEN MIA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Institut Akauntan Malaysia (MIA) telah memilih semula Abdul Samad Haji Alias sebagai presidennya, demikian diumumkan hari ini.

Beliau telah dipilih semula pada mesyuarat pertama jawatankuasa baru MIA yang diadakan hari ini, jelas MIA dalam satu kenyataan di sini.

Jawatankuasa sebelum ini telah dibubarkan apabila pindaan kepada Akta Akauntan 1967 berkuatkuasa pada 28 Jun, 2001,

Ini merintis jalan bagi Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menguatkuasakan Seksyen 8 Akta tersebut, yang membolehkan beliau melantik sehingga 30 ahli jawatankuasa.

Abdul Samad, yang telah dipilih menduduki jawatankuasa MIA sebelum ini pada mesyuarat agung tahunan institut itu September tahun lalu, telah dipilih semula dengan sebulat suara sebagai presiden hari ini.

Bagi memperlihatkan sokongan dan perpaduan di kalangan ahli-ahli baru, Yue Sau Him juga telah dipilih semula dengan sebulat suara untuk menyandang jawatan naib presiden, kata MIA. -- BERNAMA

SM SHY KY OS